



TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT

**DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

SAMBUTAN HARI PSIKOLOGI KKR 2023

**26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)
MASA: 9.30 PAGI
BILIK TANJUNG, BLOK A, ARAS 6**

KEMENTERIAN KERJA RAYA

**Yang Berbahagia,
Datuk Seri Hj. Zainol Zam Zam bin Hj. Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya**

**Yang Berbahagia,
Datuk Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya**

**Yang Berbahagia,
Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, KKR**

**Yang Berbahagia,
Prof. Dato' Gs. Ts Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor UKM**

**Yang Berusaha,
Ir. Sazali bin Harun
Ketua Pengarah LLM**

**Yang Berusaha,
Dato' Sr. Mohd Zaid Zakaria
Ketua Eksekutif CIDB**

**Yang Berusaha,
Dr. Abd Jalil bin Hassan
Pengarah Bah. Pengurusan Psikologi, JPA**

**Yang Berusaha,
Prof. Ts. Dr. Norinsan Kamil Othman
Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar UKM**

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

CABARAN PERKHIDMATAN AWAM PADA MASA KINI

Para hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah marilah kita memanjatkan kesyurukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya dan inayah-Nya, dapat kita semua berkumpul pada pagi ini, untuk sama-sama menghadiri **Majlis Perasmian Hari Psikologi KKR 2023 Sempena Minggu Kesihatan Minda KKR** pada tahun ini.

2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR kerana berjaya menganjurkan Hari Psikologi ini. Semoga dengan penganjuran Hari Psikologi ini akan dapat memperkukuh potensi diri penjawat awam di KKR dan Agensi bagi menjayakan agenda Malaysia MADANI melalui pembudayaan nilai murni ke arah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Saya difahamkan penganjuran Hari Psikologi KKR pada tahun ini adalah antara yang terbesar dalam sejarah penganjurannya dengan melibatkan 19 agensi pemberi perkhidmatan dan pameran, yang akan dijalankan serentak di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid serta kolaborasi strategik KKR Bersama UKM yang akan dimeterai dengan perjanjian MOU sebentar lagi.

TEMA SAMBUTAN

3. Sambutan Hari Psikologi KKR pada tahun ini bertemakan **“ATMA KEHIDUPAN”** diadakan tepat pada masanya. **ATMA KEHIDUPAN** membawa maksud “Jiwa” atau “Nyawa” yang merupakan asas kepada setiap kehidupan dalam mencapai kesejahteraan dan kehidupan yang baik serta positif. **“ATMA KEHIDUPAN”** yang mencakupi empat elemen iaitu **Kepelbagaian, Kesihatan, Kasih Sayang serta Keseimbangan** merupakan komponen yang saling melengkapi dalam melahirkan penjawat awam yang sejahtera dari segi Emosi, Fizikal, Mental sekaligus boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi seterusnya produktiviti ke arah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

AGENDA MALAYSIA MADANI

Para hadirin sekalian,

4. Asas kepada Agenda Malaysia MADANI yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri adalah pembinaan sebuah negara bangsa yang berteraskan pembudayaan nilai murni warganya. Bagi mencapai tahap ketamadunan itu maka kita perlu membuat anjakan pemodenan dalam pemikiran, kebendaan dan kerohanian.

5. Initipati kepada pemodenan itu sendiri adalah individu-individu yang bergabung membangunkan masyarakat, negeri dan negara. Dengan kata lain, faktor terpenting yang membentuk mana-mana tamadun dunia adalah insan itu sendiri.

KE ARAH PENJAWAT AWAM YANG SEJAHTERA

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2023 yang lalu menegaskan bahawa, “Usaha jiwa merdeka itu perlu berterusan”. Kemerdekaan dari segi pemikiran dan jiwa, bukan dengan gedung raksasa. Ini bermakna, penjawat awam yang sejahtera akan “memaknai kemerdekaan melalui pembangunan yang mampan.”

7. Untuk kekal sejahtera dalam mendepani pelbagai cabaran yang tidak menentu, memerlukan setiap penjawat awam bersungguh-sungguh mendakap empat elemen modal psikologi (***Psychology Capital***) iaitu **Harapan (*Hope*)** yakni mempunyai kesungguhan dalam mencapai matlamat; **Efikasi sendiri (*Self-efficacy*)** keyakinan untuk berjaya; **Resilient** yakni mempunyai ketahanan diri yang tinggi dalam menghadapi cabaran dan; **Optimis** yakni berfikiran positif terhadap kejayaan masa hadapan.

8. Keempat-empat elemen modal psikologi yang saya sebutkan tadi perlu diamalkan dalam kehidupan seharian yang pastinya akan menghasilkan keperibadian penjawat awam dengan jiwa yang tenang, integriti yang utuh serta prinsip dan pegangan yang teguh. Ia merupakan elemen penting sebagai penjawat awam yang cemerlang.

9. Pada hemat saya juga, hasrat kita untuk menjadi peneraju ekonomi Asia adalah bertepatan dengan gagasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam karyanya “ ***The Asia Renaissance***” yang antara lain menyebut “***if you want to be an Asian Tiger, you must have discipline, strong values, attitude, strength, confidence and be able to act.***”

10. Kekuatan-kekuatan dalaman inilah yang sedang diperkukuhkan pada hari ini dalam menyediakan semua penjawat awam agar berdaya tahan dan berdaya bingkas mendepani cabaran bergerak seiring kearah pembangunan ekonomi global.

11. Dalam pada itu, memetik laporan daripada ***World Health Organization*** yang menjelaskan, satu (1) daripada empat (4) orang di seluruh dunia akan berdepan dengan isu penyakit mental dalam perjalanan kehidupan mereka.

12. Manakala, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 pula, menunjukkan seramai setengah juta atau 2.3 peratus golongan dewasa di negara kita mengalami kemurungan.

13. Ini menunjukkan bahawa kehidupan kita hari ini semakin mencabar dan mereka yang terkesan perlu dibantu agar dapat kembali produktif dengan mengamalkan nilai dan integriti yang tinggi. Di sinilah, pegawai psikologi berperanan dalam membantu memulihkan kembali landasan kecemerlangan pegawai awam agar kembali utuh dan produktif.

KEPENTINGAN PERKHIDMATAN PSIKOLOGI

14. Perkhidmatan psikologi kini, merupakan teras utama dalam menguruskan sumber manusia kerana elemen kesejahteraan adalah penentu kepada kecemerlangan perkhidmatan. Tiga aspek yang saling berkaitan iaitu kesihatan, kebahagiaan dan kesejahteraan merupakan acuan penting bagi melahirkan kesejahteraan psikologi individu.

15. Bagi memastikan kesejahteraan psikologi merentasi sepanjang perkhidmatan, maka perkhidmatan psikologi perlu dilibatkan dalam urusan utama (*core business*) kementerian, jabatan dan agensi kerana kesemua pelanggan kita adalah manusia yang perlu disantuni dan difahami akan keperluan dan rasa hati mereka. Hal

ini juga adalah bertepatan dengan elemen ihsan dalam agenda MADANI yang ingin kita capai.

16. Saya dimaklumkan setakat September 2023, Cawangan Pengurusan Psikologi BPSM telah mengendalikan sebanyak 1,068 sesi kaunseling kepada warga KKR dan Agensi. Ini menunjukkan kesedaran warga KKR dan Agensi yang tinggi dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling professional yang telah disediakan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Cawangan Pengurusan Psikologi, BPSM kerana telah berjaya mengekalkan **Penarafan Persijilan Bertaraf 5 bintang melalui Audit Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) JPA bagi Tahun 2023**. Saya difahamkan juga Cawangan Pengurusan Psikologi CPPs BPSM seringkali menerima lawatan penanda aras bagi Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia dari pelbagai Kementerian dan Agensi Awam termasuk UKM yang akan menandatangani MOU dengan kita pada hari ini.

17. Saya percaya dengan penawaran Perkhidmatan Psikologi yang berkesan akan memberi impak yang signifikan kepada peningkatan tahap kestabilan emosi dan motivasi warga KKR dan Agensi. Sekaligus ini menunjukkan bahawa, peranan yang dimainkan oleh pegawai psikologi memberi kesan yang signifikan dalam membantu penjawat awam mengekalkan kebergunaan serta berprestasi tinggi.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Dalam usaha melaksanakan segala dasar, program dan projek, penjawat awam khususnya Warga KKR dan Agensi adalah dituntut bersikap adil lagi telus dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Rasa tanggungjawab dan patriotisme dalam melaksanakan tugas perlu sehati dalam diri setiap penjawat awam dengan menjunjung ketaatan kepada negara. Kewajipan menyimpan segala rahsia kerajaan dengan menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara mestilah melebihi kepentingan peribadi. Perkara ini akan dicapai menerusi pegangan nilai, etika dan kerjasama yang mantap

dan bersepadu. Dengan itu agenda negara dapat dilaksanakan secara efektif dengan penuh dedikasi.

19. Mengakhiri ucapan ini, saya tinggalkan tuan-tuan dan puan-puan dengan kata-kata dari **Richard Davidson**, seorang Professor Psikologi dan Psikiatri yang pernah dinobatkan sebagai salah seorang dari “***The 100 Most Influential People in The World***” yang menyatakan “***The Key to a Healthy Life is Having a Healthy Mind.***”

20. Maka, penjawat awam khususnya warga KKR dan Agensi perlu terus kekal positif dengan mengamalkan gaya hidup sihat agar kita dapat melaksanakan amanah dengan terbaik sekaligus menzahirkan penjawat awam yang berdaya tahan dan bermotivasi tinggi ke arah pengukuhan penyampaian perkhidmatan.

21. Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran Hari Psikologi KKR ini, serta semua Ahli Jawatankuasa Penganjur, selamat bertugas dan tahniah saya ucapkan.

Dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan SAMBUTAN HARI PSIKOLOGI BERSEMPENA MINGGU KESIHATAN MINDA KKR bagi Tahun

**2023. Sekian, Wabillahitaufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**